



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, TINGKAT 18,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : 39 dlm.IPK.Sel.400-11/4/3
Tarikh : 24 Disember 2014

Senarai Edaran Seperti Di LAMPIRAN

Y.B./ Y.Bhg. Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Tuan/ Puan,

KEMUDAHAN SKIM PEMBIAYAAN PINJAMAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI ANGGOTA PENTADBIRAN DAN PENJAWAT AWAM YANG BERKHIDMAT DI NEGERI SELANGOR:

- (i) **PINJAMAN PERUMAHAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR;**
- (ii) **PINJAMAN KENDERAAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR; DAN**
- (iii) **PINJAMAN KOMPUTER KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

Dengan ini saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk **mempertingkatkan kemudahan skim pembiayaan sedia ada** bagi Anggota Pentadbiran dan Penjawat Awam Kerajaan Negeri Selangor **dengan menawarkan skim pembiayaan alternatif yang memenuhi prinsip Islam** seperti berikut:

- 2.1 **Skim Pembiayaan Pinjaman Perumahan Kerajaan Negeri Selangor (SPPP);**
- 2.2 **Skim Pembiayaan Pinjaman Perumahan Secara Islam Kerajaan Negeri Selangor (SPPI);**
- 2.3 **Skim Pembiayaan Pinjaman Kenderaan Secara Islam Kerajaan Negeri Selangor; dan**
- 2.4 **Skim Pembiayaan Pinjaman Komputer Kerajaan Negeri Selangor.**

3. Untuk makluman Y.B./ Y.Bhg. Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Tuan/ Puan, syarat dan tatacara skim pembiayaan seperti yang dinyatakan pada Para 2 di atas akan dilaksanakan dengan **merujuk sepenuhnya kepada 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP)** yang berkuatkuasa, manakala bagi Anggota Pentadbiran pula adalah berdasarkan syarat-syarat yang terkandung di dalam Akta/ Enakmen sedia ada yang berkuatkuasa.

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

.../2

KEMUDAHAN SKIM PEMBIAYAAN PINJAMAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI ANGGOTA PENTADBIRAN DAN PENJAWAT AWAM YANG BERKHIDMAT DI NEGERI SELANGOR:

- (i) PINJAMAN PERUMAHAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR;**
 - (ii) PINJAMAN KENDERAAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR; DAN**
 - (iii) PINJAMAN KOMPUTER KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
-

- 2 -

4. Untuk makluman Y.B./ Y.Bhg. Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Tuan/ Puan, kemudahan skim pembiayaan berkenaan akan dilaksanakan **berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015** kelak. Maklumat lanjut berhubung **syarat dan tatacara permohonan kemudahan skim pembiayaan** bagi maksud di atas boleh diperolehi melalui Portal Selangor, di alamat: <http://www.selangor.gov.my>.

5. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung perkara ini, **sila hubungi pegawai Pentadbiran** ini seperti berikut:

- (i) Pn. Helwa binti Mohammad Zainal - 03-5544 7081
- (ii) Pn. Noreha binti Mohamed Saad - 03-5544 7890
- (iii) Pn. Lely Hartiny binti Kadir - 03-5521 2426

6. Perkara ini dipanjangkan untuk makluman Y.B./ Y.Bhg. Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Tuan/ Puan jua.

Sekian, terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“TERBAIK DARIPADA KAMI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HJ. MOHAMMED KHUSRIN BIN HJ. MUNAWI)

D.S.I.S, A.S.A, P.P.T

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor